

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.00/10.12/2 Jld.9 (26)

2 April 2020
8 Syaaban 1441

PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2020

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

PENGUMUMAN BERKAITAN AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN UTM BAGI SEMESTER II, 2019/2020 [2 APRIL 2020]

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 1 April 2020 hingga 14 April 2020 di seluruh Negara, dan Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Tinggi pada 28 Mac 2020,

Pihak UTM telah memutuskan bahawa :

1. Aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) dilaksanakan secara jarak jauh dan dalam talian (*Online Learning*) bermula pada 1 April 2020 hingga 24 Julai 2020, iaitu sehingga berakhirnya Semester II, Sesi 2019/2020 (Rujukan : Kalendar Akademik Sesi 2019/2020 Edisi 3). Asas kepada keputusan UTM melaksanakan pembelajaran secara jarak jauh dan dalam talian bermula 1 April adalah seperti yang dijelaskan dalam FAQAV1.0 (Sila rujuk FAQAV1.0)
2. Penggunaan kaedah PdP secara jarak jauh/dalam talian diutamakan untuk tujuan syarahan, tugas, projek, pembentangan; manakala kaedah alternatif jarak jauh/dalam talian juga diutamakan untuk tujuan amali, pembelajaran servis, serta pentaksiran termasuk peperiksaan akhir dan seumpamanya.
3. Fakulti dan pensyarah perlu membantu menyediakan kaedah pembelajaran jarak jauh yang inklusif dan bersesuaian yang juga mengambilkira pelajar yang tidak mempunyai capaian internet untuk mengikuti pembelajaran dalam talian secara sepenuhnya.
4. Pelajar diminta untuk terus tinggal di kediaman masing-masing semasa aktiviti PdP dilaksanakan secara jarak jauh dan dalam talian sepanjang semester.

5. Aktiviti PdP yang tidak dapat disempurnakan di sepanjang semester 2, terutama yang memerlukan kehadiran fizikal seperti bengkel, makmal, studio, pembelajaran servis, peperiksaan akhir dan lain-lain; akan dilaksanakan pada penghujung Semester II dan/atau pada Semester III mengikut keperluan dengan syarat Fakulti mendapat kelulusan dari Jawatan Kuasa Akademik Fakulti berdasarkan garis panduan yang telah diluluskan oleh Senat UTM. Pelaksanaan aktiviti PdP secara bersemuka ini juga adalah tertakluk kepada keputusan pihak kerajaan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATUK. IR. DR. WAHID BIN OMAR)

Naib Canselor

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pendaftar
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.08.00/10.12/2 Jld.9 (26)

2nd April 2020
8 Syaaban 1441

ACADEMIC CIRCULAR NO.2/2020

DEPARTMENT OF DEPUTY VICE CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)

ANNOUNCEMENT RELATED TO UTM TEACHING AND LEARNING ACTIVITIES

FOR SEMESTER II, 2019/2020 [2 APRIL 2020]

In reference to the YAB Prime Minister's Special Announcement on the extension of Movement Control Order from 1st April 2020 to 14th April 2020 throughout the country and the Media Statement of the Ministry of Higher Education issued on 28 March 2020,

UTM has decided that:

1. Teaching and learning (T&L) activities are to be carried out through distance and online learning (OL) from 1st April 2020 to 24th July 2020, that is, until the end of Semester II, Session 2019/2020 (Reference: Academic Calendar Session 2019/2020 Edition 3). The basis of UTM's decision to implement online and distance learning beginning from 1 April 2020 is as explained in FAQAV1.0 (Please refer to FAQAV1.0).
2. The use of distance/online learning methods is given priority to lectures, assignments, projects, presentations; while alternative distance/online methods are preferred for practical T&L activities, service learning and assessment which includes final exams and so forth.
3. The faculty and lecturers should provide an inclusive and appropriate distance learning methods which also take into consideration students who have no internet access to fully participate in online learning.
4. Students are requested to remain at home or at their respective accommodations to follow distance and online T&L activities for the entire semester.

5. T&L activities which cannot be completed during Semester II, especially those that require students' physical presence such as workshops, laboratories, studios, service learning, final exams etc., shall be carried out toward the end of Semester II and/or in Semester III as required, provided that the Faculty obtains approval from the Faculty's Academic Committee based on the guidelines issued by UTM Senate. The implementation of face-to-face T&L activities is also subject to the government's decision on Movement Control Order.

Thank you

I, who uphold trust,



(PROF. DATUK. IR. DR. WAHID BIN OMAR)

Vice Chancellor

- c.c.
- Deputy Vice Chancellor (Development)
 - Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation)
 - Deputy Vice Chancellor (Academic and International)
 - Deputy Vice Chancellor (Student's Affairs)
 - Registrar
 - Pro-Vice Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
 - Director Research Centre - UTM Pagoh
 - Senior Officers/ Deans /Directors